

16 NOV 2000

Abdullah-Pemilihan

MT UMNO KEKALKAN TEMPOH PEMILIHAN MT TIGA TAHUN SEKALI

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini memutuskan untuk terus mengekalkan tempoh pemilihan bagi jawatan MT dan bahagian kepada tiga tahun sekali, bukan mengikut tempoh penggal Dewan Rakyat seperti yang dicadangkan sebelum ini.

Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mempengerusikan mesyuarat MT di ibu pejabat parti di sini hari ini, berkata keputusan itu membatalkan cadangan awal draf pindaan perlembagaan Umno untuk melanjutkan tempoh pemilihan mengikut tempoh Dewan Rakyat.

"MT juga memutuskan untuk melanjutkan tempoh pemilihan bagi peringkat cawangan kepada tiga tahun sekali berbanding dua tahun ketika ini," kata Timbalan Perdana Menteri pada persidangan berita selepas mesyuarat hampir dua jam itu.

"Dengan adanya pindaan ini bermakna kita dapat menyelaraskan pemilihan ketiga-tiga peringkat dalam tahun yang sama. Ini juga bermakna pemilihan pada peringkat cawangan dan bahagian tidak menjadi terlalu kerap sangat," kata Abdullah.

Kepada satu pertanyaan, Abdullah berkata Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah dimaklumkan mengenai masalah-masalah yang timbul dan keputusan-keputusan yang mungkin dibuat pada mesyuarat MT hari ini.

Katanya: "Presiden tidak ada masalah langsung dan menyerahkannya kepada MT."

Dr Mahathir kini berada di Brunei untuk menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di Bandar Seri Begawan. Beliau dijangka pulang ke tanah air malam ini.

Pelbagai peringkat dalam Umno termasuk Pergerakan Pemuda telah menyuarakan pendapat yang tidak bersetuju dengan cadangan untuk melanjutkan tempoh pemilihan jawatan MT itu.

Ditanya apakah nasihat beliau kepada ahli Umno yang masih mahu cadangan pindaan asal mengenai tempoh pemilihan diteruskan, beliau berkata: "Nasihat saya supaya mereka memahami apa yang kita kemukakan hasil daripada perbincangan MT dan jawatankuasa pengurusan setelah mengambil kira pandangan yang telah diberikan."

Abdullah berkata, semua cadangan dan pandangan yang dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan Tan Sri Muhyiddin Yassin telah dibincangkan dalam tiga mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti serta tiga mesyuarat MT.

Walaupun ada bahagian yang menganggap sesuatu cadangan itu mewakili ramai namun mereka perlu faham ada juga bahagian lain yang mempunyai pandangan berbeza, katanya.

"Jadi kita telah mengambil kira semua itu di samping input yang telah diberi oleh MT sendiri, maka kita bersetuju supaya cadangan tertentu dibuat menerusi pindaan perlembagaan," katanya.

Menjawab soalan sama ada pindaan akan dibuat terhadap fasal perlembagaan memandangkan pemilihan peringkat MT, Bahagian dan Cawangan akan dibuat serentak, Muhyiddin berkata, ketika pembentangan usul, perwakilan akan diberitahu mengenai pindaan tersebut.

Ketika ditanya kenapa MT hari ini tidak meminda cadangan pemansuhan sistem kuota bagi melayakkan seseorang bertanding jawatan pucuk pimpinan Umno, Abdullah menjelaskan bahawa sebenarnya perkara itu tidak dicadangkan langsung di peringkat MT.

"Itu adalah pandangan yang ditimbulkan. Mengikut peraturan, cadangan

baru itu (kuota) tidak boleh dibawa kerana perhimpunan agung yang akan diadakan (Sabtu ini) hanya untuk membincangkan pindaan yang dibawa MT," katanya.

Beliau berkata, mesyuarat MT turut menyentuh mengenai persiapan Umno menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kedah, kawasan Lunas pada 29 Nov ini.

"Kita juga ambil kesempatan untuk berbincang mengenai peranan badan-badan perhubungan Umno seluruh negara dalam membantu pilihan raya kecil Lunas, dengan semua akan menghantar pekerja pilihan raya termasuk penceramah," katanya.

Pilihan raya itu diadakan berikutan kematian penyandangannya, Dr Joe Fernandez daripada Barisan Nasional (BN) pada 4 Nov lepas.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 21 Nov sebagai tarikh penamaan calon.

-- BERNAMA

MAD RZS ZS NMO